

28.10.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.

Ketua Pegawai Eksekutif, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

EMPANGAN AIR ITAM HAMPIR PENUH SELEPAS 4 TAHUN

- **99.4% kapasiti efektif pada 26.10.2025 dan 27.10.2025.**
- **Catatan tertinggi sebelum ini: 93.4% pada 2.12.2021**
- **526.5mm jumlah taburan hujan direkodkan di kawasan tadahan air empangan dari 1.9.2025 – 27.10.2025.**

PULAU PINANG, Selasa, 28.10.2025 – Buat pertama kalinya dalam tempoh kira-kira empat tahun, Empangan Air Itam di Pulau Pinang yang berkapasiti 2,159 juta liter (ML) kini hampir penuh.

Kapasiti efektif empangan ini direkodkan pada paras 99.4% pada 26.10.2025 dan 27.10.2025. Catatan tertinggi sebelum ini adalah 93.4% pada 2.12.2021.

Punca utama peningkatan ini adalah disebabkan oleh hujan lebat yang berterusan di kawasan tadahan air (KTA) empangan tersebut. PBAPP telah merekodkan jumlah hujan sebanyak 526.5mm di KTA Air Itam dalam tempoh kira-kira dua bulan (1.9.2025 – 27.10.2025).

Sehubungan itu, PBAPP sedang memaksimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Air Itam ke Loji Rawatan Air Air Itam bagi pengeluaran air terawat. Kami akan meningkatkan pelepasan daripada kebiasaan 22 juta liter sehari (JLH) sehingga maksimum 65 JLH, apabila perlu.

Langkah memaksimumkan pelepasan air ini bertujuan mengelakkan lebihan air empangan dilepaskan melalui longkang dan sungai ke laut. PBAPP tidak akan melepaskan air dari empangan semasa ribut atau hari hujan apabila paras air laut tinggi bagi meminimumkan risiko banjir di kawasan rendah berdekatan.

Untuk makluman, Empangan Air Itam masih ditutup sementara kepada orang awam disebabkan kejadian tanah runtuh akibat ribut baru-baru ini. Langkah ini diambil sebagai langkah keselamatan awam sementara. PBAPP akan “membuka semula” empangan ini sebagai kawasan rekreasi awam apabila keadaan kembali pulih.

Laporan Status Empangan Pulau Pinang

Hujan yang turun sepanjang dua bulan kebelakangan ini telah membantu meningkatkan paras air empangan di Pulau Pinang ke tahap yang “selesa”. Ramalan cuaca juga menunjukkan bahawa Pulau Pinang dijangka menerima lebih banyak hujan pada bulan November 2025.

Berikut ialah ringkasan status tiga empangan utama di Pulau Pinang:

Empangan	Kapasiti Efektif 1.1.2025	Kapasiti Efektif 27.10.2025	Perbezaan Kapasiti Efektif
Empangan Air Itam	76.7%	99.4%	+ 22.7%
Empangan Teluk Bahang	61.7%	72.9%	+ 11.2%
Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD)	91.2%	91.3%	+ 0.1%

- **Empangan Air Itam:** Berada pada tahap terbaik dalam tempoh 4 tahun untuk menghadapi musim kering yang akan datang, dengan syarat paras semasa tidak terjejas akibat ketiadaan hujan dan/atau penggunaan air yang terlalu tinggi sebelum 1.1.2026.
- **Empangan Teluk Bahang:** Sedang “pulih” secara berperingkat hasil daripada jumlah hujan sebanyak 788.5mm di kawasan tadahannya dalam tempoh 57 hari (1.9.2025 – 27.10.2025). Sasaran PBAPP adalah untuk mencapai kapasiti efektif antara 80% hingga 85% menjelang 1.1.2026 sebelum bermulanya musim kering awal tahun.

Adalah diingatkan bahawa kapasiti maksimum efektif Empangan Teluk Bahang ialah 18,240ML, ia adalah empangan yang lebih besar iaitu kira-kira 8.5 kali ganda daripada kapasiti maksimum Empangan Air Itam (2,159ML). Oleh itu, lebih banyak hujan dan masa diperlukan untuk memenuhi empangan ini sepenuhnya.

- **Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD):** Sejak 1.1.2025, PBAPP telah mengekalkan kapasiti efektif yang kukuh dan stabil bagi empangan strategik ini. Rizab airnya hanya digunakan sebagai “sandaran” kepada bekalan air mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Dua semasa situasi kecemasan apabila PBAPP tidak dapat mengepam air secukupnya dari Sungai Muda.
- **Sungai Muda:** PBAPP terus mengoptimumkan pengabstrakan air mentah dari sumber utama air mentah Pulau Pinang ini. Susulan hujan lebat di Kedah, paras sungai telah berada pada tahap yang tinggi sejak 24.10.2025, antara 3.16m hingga 4.74m di muka sauk Lahar Tiang, Seberang Perai Utara (SPU). Paras “selamat” bagi pengabstrakan air optimum ialah 2.0m.

Terima Kasih.

Dikeluarkan Oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
E-mel : comms@pba.com.my